

12/11/2001

Syarikat tersenarai bermasalah diberi lebih masa

Zainab Mohd Yatim

SYARIKAT tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang tidak mempunyai kedudukan kewangan memuaskan akan diberi peluang memulihkan kedudukan selepas tempoh akhir Disember 2002 bagi menjamin status penyenaiaan di bursa berkenaan.

Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Mohd Azlan Hashim, berkata syarikat yang gagal mengatasi masalah selepas tempoh lanjutan itu akan digugurkan status penyenaiaan, katanya.

Syarat itu terkandung dalam Belanjawan 2002 yang diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 19 Oktober lalu.

Bercakap kepada pemberita pada taklimat akhbar selepas mesyuarat agung tahunan BSKL di Kuala Lumpur kelmarin, katanya, menjelang akhir tempoh berkenaan tinjauan akan dibuat bagi memastikan mungkin ada mana-mana syarikat yang perlu diberi lebih masa.

"Bagi syarikat yang tidak membuat tindakan yang berkesan, kami akan melepaskan mereka," tegasnya.

Azlan berkata, tempoh lanjutan yang diberikan dalam Belanjawan 2002 tidak akan melengahkan gesaan bagi penyusunan semula syarikat tersenarai malah satu pendekatan praktikal perlu dilaksanakan dalam keadaan semasa.

Sebelum lanjutan itu, syarikat mempunyai masa 12 bulan daripada Febuari 2001 untuk mematuhi syarat penyenaiaan BSKL bagi memenuhi syarat kewangan minimum yang diharapkan daripada sesebuah syarikat tersenarai.

Menurut Azlan, matlamat BSKL ialah untuk menyenaraikan syarikat, bukan menggugurkan mereka tanpa sebab memandangkan tujuan bursa itu ialah menawarkan pelabur peluang pelaburan yang lebih luas.

Katanya lagi, BSKL sudah mengenal pasti 95 syarikat yang memerlukan langkah sewajarnya bagi membetulkan kedudukan kewangan mereka, manakala 56 syarikat lagi membuat pengumuman sewajarnya untuk penstrukturan semula dan 39 syarikat sedang menjalani penstrukturan semula.

(END)